

Mahathir, Macky Sall adakan pertemuan di Dakar

Malaysiakini

17 Januari 2019

Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad mengadakan pertemuan dengan Presiden Senegal, Macky Sall sejurus selepas ketibaan beliau ke negara itu untuk menghadiri satu persidangan mengenai Afrika.

Pertemuan itu berlangsung di Istana Presiden di ibu negara Senegal.

Turut hadir dalam pertemuan itu bagi pihak Malaysia ialah Timbalan Menteri Luar, Datuk Marzuki Yahya dan Duta Besar Malaysia ke Senegal, Dr Shazelina Zainul Abidin.

Sall sebelum itu menyambut ketibaan Dr Mahathir, yang dalam rangka lawatan dua hari ke Senegal, di Lapangan Terbang Leopold Sedar Senghor.

Pemimpin Malaysia itu berada di Dakar untuk menghadiri Persidangan Antarabangsa mengenai Kemunculan Afrika kali ketiga (ICEA-III) yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Abdou Diouf di Dakar, dari 17 hingga 19 Januari.

Dr Mahathir diiringi oleh isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Perdana Menteri merupakan satu-satunya ketua kerajaan luar Afrika yang mengambil bahagian dalam ICEA-III yang memberi tumpuan kepada mempromosi serta mengukuhkan peranan sektor swasta dalam pelan kemunculan Afrika.

Bertemakan 'Kemunculan, Sektor Swasta dan Keterangkuman', persidangan itu menyediakan peluang kepada Dr Mahathir untuk menunjukkan kejayaan perkongsian awam-swasta di Malaysia.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/460561>